

17 JUN 1997

Sukom-Hashim

HASHIM TARIK BALIK PELETAKAN JAWATAN

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali hari ini menarik balik surat peletakan jawatannya sebagai Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Bhd selepas pertemuan dengan Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hashim, yang mengemukakan surat peletakan jawatan itu kepada Anwar semalam, berkata beliau juga mengubah fikirannya selepas berunding dengan anggota keluarganya berikutan pertemuannya selama setengah jam dengan Anwar di Jabatan Perdana Menteri di sini.

"Sebab saya menarik balik (peletakan jawatan itu) ialah kerana permintaan yang ikhlas daripada Pemangku Perdana Menteri," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri majlis menandatangani penajaan antara Sukom dan Taylor's School of Management.

Beliau berkata Anwar akan mengumumkan peraturan baru selepas mesyuarat Kabinet esok tetapi beliau enggan mengulas lebih lanjut.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik baru-baru ini telah membuat teguran terhadap Sukom kerana kurang menjalankan usaha publisiti bagi sukan itu.

Bekas Panglima Angkatan Tentera berumur 62 tahun yang mengetuai Sukom sejak 1992 itu membuat pengumuman yang mengejutkan semalam apabila sambil mengalirkan air mata beliau menyatakan yang beliau telah mengemukakan surat peletakan jawatannya berkuatkuasa 1 Julai ekoran kritikan daripada dua menteri kabinet terhadap kurangnya publisiti untuk Sukan Komanwel tahun depan.

Hashim berkata hari ini bahawa Anwar telah memintanya supaya memikirkan perkara itu dengan semasak-masaknya dan mengingatkan beliau tentang implikasi yang mungkin timbul dan akibatnya kepada Sukan itu dan negara jika beliau meletak jawatan ketika ini.

"Anwar berkata kerajaan dan semua orang tidak dapat membiarkan saya meninggalkan Sukom lalu beliau meminta saya terus memegang jawatan itu.

"Memandangkan implikasinya, juga atas rasa hormat saya kepada Pemangku Perdana Menteri dan keyakinan penuh saya kepada beliau, maka saya memutuskan akan terus menjalankan tugas ini," kata Hashim.

Hashim berkata beliau dipanggil oleh Anwar pagi ini dan semasa pertemuan itu, Pemangku Perdana Menteri melahirkan rasa dukacitanya terhadap apa yang berlaku dalam beberapa hari lepas.

Apabila ditanya sama ada implikasi itu pernah terlintas pada fikirannya sebelum ini, Hashim berkata: "Tidak. Memandangkan begitu banyak sekali kritikan yang dilemparkan, saya rasa sudah cukuplah bagi saya."

Ditanya sama ada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed telah diberitahu mengenai hasratnya meletak jawatan itu, beliau berkata: "Oleh kerana Perdana Menteri sedang bercuti dan Pemangku Perdana Menteri ada...jadi dengan beliaulah saya berunding."

Hashim berkata beliau tidak nyenyak tidur semalam.

"Sebahagian besar anggota petugas kanan saya juga ingin turut meletak jawatan. Saya mempunyai pasukan yang sungguh fantastik di Sukom. Jika sebahagian besar daripada petugas itu letak jawatan, Sukan itu akan hancur. Sangat susah untuk menggantikan mereka dalam masa yang singkat," katanya.

Hashim berkata Anwar memberitahunya yang beliau telah cuba menghubunginya di Hong Kong minggu lepas setelah keluar laporan akhbar mengenai kritikan itu. Bagaimanapun Hashim, yang berada di Hong Kong untuk

menyampaikan penerangan mengenai persediaan Kuala Lumpur bagi sukan itu, berkata beliau tidak mendapat pesanan Anwar itu.

"Sebagai individu, saya hanya manusia biasa dan tidak ada sesiapa yang tidak boleh digantikan. Rancangan sudah ada, saya boleh pergi, orang lain boleh ambil alih," katanya.

Semalam, Sabbaruddin berkata bahawa tegurannya dibuat secara ikhlas dan dengan niat baik. Beliau meminta maaf jika kritiknya itu menyinggung perasaan Hashim.

Ketika ditanya mengenai kenyataan itu, Hashim berkata: "Adakah beliau membuat kenyataan itu? Saya cuma diberitahu ia keluar dalam akhbar. Saya tak tahu, anda yang menulisnya. Saya tak tahu sama ada ia benar-benar datang daripadanya."

Mengenai anggapan bahawa tindakan beliau ekoran kritikan itu keterlaluan, Hashim berkata walau apapun yang dilakukannya, akan ada orang yang mengatakan sesuatu terhadapnya.

Hashim mempertahankan Sukom dan berkata ia bukanlah terlalu sensitif kepada kritikan. Sukom menyambut baik kritikan "tetapi bukanlah penghinaan melalui akhbar."

Ketika ditanya sama ada beliau telah menjangka akan kembali semula, Hashim berkata: "Yang mengubah fikiran saya ialah Pemangku Perdana Menteri."

Apabila ditanya sama ada tindakannya itu sudah dirancang terlebih dahulu untuk tujuan publisiti, Hashim dengan nada bersahaja berkata ia memberikannya liputan yang meluas di dalam dan luar negara.

"Kami akan memastikan yang Sukan Komanwel akan datang akan merupakan yang terbaik pernah diadakan sama ada terdapat publisiti, kain pemedang, papan iklan atau sebaliknya," katanya, jelas merujuk kepada kritikan tentang kurangnya papan iklan mengenai sukan itu kini. -- BERNAMA

AR NMO